

MSWG**MINORITY SHAREHOLDER WATCHDOG GROUP****Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad**

Incorporated in Malaysia * Company No. 524898-M

The Observer

29.08.2014

MESEJ KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF



Kini tinggal hanya beberapa bulan lagi sebelum penghujung tahun di mana Malaysia akan mempengerusikan Komuniti Ekonomi Asean (AEC) pada tahun hadapan. Kami bersetuju dengan pandangan Datuk Seri Nazir bahawa penyelesaian bagi isu-isu penting seperti pangkalan pasaran dan pengeluaran tunggal serta pergerakan bebas modal dan buruh perlu dibawa ke hadapan dan menjadi tumpuan para pembuat polisi.

Dengan ASEAN dijangka menjadi pasaran tunggal dan pangkalan pengeluaran yang dinamik dengan lebih daripada 600 juta pengguna dan gabungan Keluaran Dalam Negara Kasar hampir \$3 trilion, adalah menjadi kepentingan kita semua agar isu-isu ini ditangani.

Menyentuh mengenai pengumuman MAS yang mencatatkan kerugian bersih yang lebih tinggi bagi suku kedua 2014 kepada RM307.4 juta, yang memang telah dijangka akibat daripada antara lain impak negatif disebabkan tragedi MH370. Sebuah lagi syarikat penerbangan serantau iaitu Qantas, turut mencatatkan kerugian yang besar sebanyak A\$2.8 bilion (kira-kira RM8.4 bilion) bagi tahun kewangan terkini. Ini menunjukkan industri penerbangan serantau sedang menghadapi tekanan operasi termasuk MAS disebabkan oleh kos tetap dan kos berubah yang tinggi.

Pelan Pemulihan MAS telah diumumkan di mana elemen pentingnya termasuklah :

- (i) Penubuhan syarikat baharu (NewCo) yang akan mengambil-alih operasi menjelang 1 Julai 2015 dan dijangka akan mempunyai saiz operasi dan tenaga kerja yang optimal [30% atau 6,000 pekerja akan ditamatkan perkhidmatan].
- (ii) Dana sehingga RM6 bilion termasuk kos penyahsenaraian MAS sebanyak RM1.4 bilion, kos penstrukturan semula dan penamatan perkhidmatan sebanyak RM1.6 bilion (secara purata kira-kira RM250,00 bagi setiap pekerja yang diberhentikan kerja) dan suntikan modal sebanyak RM3 bilion.
- (iii) Mengukuhkan fungsi-fungsi jaminan, integriti dan keselamatan [sangat penting dan perlu diberikan keutamaan].
- (iv) Mengkaji dan melakukan rundingan semula kontrak pembekalan di mana dijangka akan memenuhi obligasi kontrak-kontrak sekiranya mematuhi tanda aras.

(v) Tiada pertukaran kepimpinan dijangkakan sehingga Julai 2015 apabila NewCo mengambilalih operasi MAS. [ia seolah-olah tidak mengambilkira aspek akauntabiliti dengan baik - adakah tempoh masa sehingga 9 bulan diperlukan untuk menukar lembaga dan pengurusan atasan?]

(vi) Penubuhan Suruhanjaya Penerbangan

Kami juga berpandangan penstrukturan semula ini memerlukan pengawasan untuk memastikan pelaksanaan yang teratur. Pembinaan semula jenama MAS perlu menjadi antara langkah seterusnya yang perlu diambil.

Menyentuh perkara yang berasingan, Ketua Pegawai Eksekutif Bursa telah memberikan komen mengenai jualan berterusan saham-saham bermodal kecil pada awal minggu ini. Saya juga ingin menekankan sekali lagi di sini pelabur perlu berhati-hati agar tidak melakukan spekulasi berlebihan. Penyiasatan punca jualan berterusan yang berlebihan juga tindakan sama penting.

Pihak kawal selia mempunyai bidang kuasa meminta para broker saham mengeluarkan amaran dan memberi tempoh notis kepada pasaran mengenai langkah-langkah yang diambil supaya tidak menjejut pasaran, seperti yang terjadi baru-baru ini.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan kepada semua pembaca “Selamat Menyambut Hari Merdeka yang ke 57” yang bertemakan “Malaysia, Disini Lahirnya Sebuah Cinta”.

Salam,

Rita

MSWG DI DALAM BERITA

GOOD CORPORATE GOVERNANCE REQUIRES SERIOUS EFFORT: MSWG
<http://www.nst.com.my/node/26580>

KEMASKINI MAKLUMAT PASARAN DAN KAWAL SELIA

SIDANG KEMUNCAK PERUMAHAN & HARTANAH KEBANGSAAN 2014 KALI KE-17

KOMEN MSWG:

Segmen hartanah Malaysia mencatatkan bilangan transaksi yang lebih rendah tetapi pada nilai yang lebih tinggi seperti yang dilaporkan di dalam laporan suku pertama 2014 Pusat Maklumat Hartanah Kebangsaan. Transaksi yang lebih perlahan tersebut sebahagiannya disebabkan oleh langkah-langkah menyejukkan pasaran hartanah yang diperkenalkan oleh Bank Negara Malaysia (“BNM”) seperti pelupusan Skim Berfaedah Pemaju (DIBS) dan sekatan ke atas warga asing untuk membeli hartanah yang bernilai di bawah RM1 juta. Ianya juga turut disebabkan oleh ketidaksepadanan dari segi penawaran dan permintaan di dalam pasaran hartanah kediaman di mana pemaju lebih berminat untuk membina rumah kediaman bernilai lebih daripada RM1 juta. Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Malaysia (“REHDA”) telah memohon supaya kerajaan menimbangkan semula skim DIBS

hanya bagi pembeli rumah kali pertama untuk membantu mereka membayar bayaran muka sebanyak 10%.

Pengenalan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (“GST”) mungkin akan turun meningkatkan kos rumah baharu menerusi harga bahan binaan yang lebih tinggi di bawah GST jika kerajaan tidak memberikan pengecualian ke atas bahan binaan. Mungkin lebih ramai pembeli rumah akan bergegas untuk membeli kediaman baharu sebelum GST diperkenalkan.

Kerajaan perlu mempercepatkan pelaksanaan Projek Perumahan Rakyat 1Malaysia (“PR1MA”) untuk membina rumah mampu milik bagi rakyat Malaysia dengan kriteria kelayakan seperti berumur sekurang-kurangnya 21 tahun pada waktu permohonan bagi individu atau keluarga (suami isteri) yang mempunyai pendapatan isi rumah bulanan di antara RM2,500 - RM7,500.

PANDANGAN RINGKAS MSWG MENGENAI TRANSAKSI KORPORAT SEMASA

HONG LEONG CAPITAL BERHAD (“HLCAP”)

Pada 26 Ogos 2014 HLCAP mengumumkan bahawa syarikat belum mengenalpasti pelan yang bersesuaian untuk menangani ketidakpatuhan kepada keperluan 25% tebaran pegangan saham awam. Syarikat telah memohon kepada Bursa Malaysia untuk lanjutan masa bagi mematuhi keperluan tebaran pegangan saham awam tersebut.

Walaupun, Bursa Malaysia boleh melaksanakan kuasa mereka untuk mengenakan penggantungan dagangan saham HLCAP di mana dalam kes tersebut, tempoh notis 5 hari pasaran akan diberikan kepada HLCAP dan pasaran.

KOMEN MSWG:

Permohonan bagi lanjutan masa lagi untuk mematuhi keperluan tebaran pegangan saham awam oleh HLCAP dialu-alukan oleh pemegang saham minoriti. Walaupun, Lembaga Pengarah perlu memberikan komitmen untuk mematuhi keperluan tebaran pegangan saham awam tersebut dalam tempoh masa yang diberikan jika Bursa Malaysia memberikan lanjutan masa kepada syarikat.

Penganalisa MSWG

Lya Rahman, Pengurus Besar, Khidmat Korporat, lyarahman@mswg.org.my

Chong Chee Fern, Pengurus Besar, Pemantauan Korporat chongcf@mswg.org.my

Rebecca Yap, Ketua, Pemantauan Korporat rebecca.yap@mswg.org.my

Quah Ban Aik, Ketua, Pemantauan Korporat banaik.quah@mswg.org.my

Norhisam Sidek, Pengurus, Pemantauan Korporat norhisam@mswg.org.my

Shahnul Niza Dato Dr Mohd Yusof, Pengurus, Pemantauan Korporat shahnul.niza@mswg.org.my

Lee Chee Meng, Pengurus, Pemantauan Korporat cheemeng@mswg.org.my

Wong Kin Wing, Pengurus, Pemantauan Korporat, kinwing@mswg.org.my

Nor Khalidah Khalil, Penganalisa, Pemantauan Korporat khalidah@mswg.org.my
Vinodth Ramasamy, Penganalisa, Pemantauan Korporat vinodth.ram@mswg.org.my

PENZAHIRAN KEPENTINGAN

- *Sehubungan dengan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memegang jumlah saham yang minima di dalam syarikat-syarikat yang dinyatakan di dalam surat berita ini.*
- *Ketua Pegawai Eksekutif MSWG mempunyai pegangan saham yang minima di dalam MAS.*

Maklumbalas

Kami mengalu-alukan maklumbalas anda mengenai surat berita dan khidmat kami. Sila e-mel komen dan cadangan anda ke mswg.ceo@mswg.org.my.

PENOLAKAN TUNTUTAN

Surat berita ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholder Watchdog Group (MSWG).

Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam surat berita ini adalah berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam surat berita ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walaubagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam surat berita ini. Tiada maklumat di dalam surat berita ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jempunan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.

MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian surat berita ini yang diterbitkan semula.

MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam surat berita ini atau jika ianya diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan surat berita ini.